

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**  
**DARIPADA : YB TUAN MOHD AZIS BIN JAMMAN**  
**KAWASAN : SEPANGGAR**

**SOALAN NO. 294**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci kronologi sebenar status pembinaan projek Lebuh Raya Pan Borneo (Pakej Sabah), isu dan halangan serta mengapakah peratusan pembinaan projek ini perlahan berbanding pakej di Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah Fasa 1 dengan anggaran jarak keseluruhan 706 km dibahagikan kepada 35 pakej kerja. Sehingga kini, 11 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor bagi tujuan kerja-kerja pembinaan. Manakala, tiga (3) pakej kerja baharu dan satu (1) pakej kerja melibatkan laluan dari Tawau ke Semporna yang telah ditamatkan kontrak kini sedang ditender yang dijangka akan dimuktamadkan pada tahun ini, menjadikan keseluruhan 15 pakej kerja akan dilaksanakan pada RMKe-11. 1 pakej kerja baharu yang melibatkan laluan dari Serusup ke Pituru pula telah diperuntukkan di dalam RP1 RMKe-12.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berbanding dengan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak Fasa 1 yang telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015, projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah Fasa 1 telah mula dilaksanakan pada Julai 2016. Secara keseluruhan, status kemajuan pembinaan sejak projek LPB Sabah dimulakan pada tahun 2016 sehingga Oktober 2020 adalah 40%, iaitu bagi 11 pakej kerja yang sedang dalam pembinaan.

Buat masa ini, berlaku sedikit kelewatan ke atas kemajuan projek yang disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Kesan daripada pertukaran kaedah pelaksanaan projek, iaitu penamatan Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner – PDP*) oleh kerajaan terdahulu kepada kaedah pelaksanaan projek secara konvensional yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Sabah sebagai Pegawai Pengguna (*Superitending Officer – SO*); dan
- (ii) Akibat daripada penularan Covid-19 yang membataskan aktiviti di tapak tertakluk kepada kebenaran pihak berkuasa dan pematuhan

kepada *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan.

Selain memberi kesan kepada prestasi projek, perubahan kaedah pelaksanaan tersebut turut memberi kesan kepada pentadbiran projek, perubahan kontrak, kebajikan kakitangan-kakitangan yang terlibat dan keperluan penambahbaikan kapasiti dan kepakaran teknikal sedia ada.

Berikutan itu *mitigation plan* dan tindakan susulan berterusan sedang dilaksanakan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan yang telah diputuskan sebelum ini bagi memastikan kelancaran dan kelangsungan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah sebagai pemangkin pembangunan sektor sosio-ekonomi, perindustrian serta pelaburan di sepanjang jajaran projek tersebut.

Sekian, terima kasih.